



LEADING
CHANGE **DRIVING**
EXCELLENCE

MANFAAT BERUPA BARANGAN (MBB)

KEMASKINI PADA 12/01/2023



MANFAAT CUKAI UNTUK KEMAKMURAN BERSAMA



 **03-8911 1000**
Hasil Care Line

 **03-8751 1000**
Hasil Recovery Call Centre

 **/LhdnTube**

 **/LHDNMofficial**


 **/LHDNM**

 **/LHDNM**

KEMASKINI PADA 12/01/2023

KEMANA HASIL CUKAI DIBELANJAKAN

Infrastruktur
Kemudahan Awam &
dan komunikasi



Pembangunan




Kesihatan



Sekolah



Keselamatan &
Pertahanan Negara



Kolej &
Universiti





Pertanian &
Perindustrian

KEMASKINI PADA 12/01/2023

MyTax 2.0




- Responsif dalam paparan aplikasi **Web & Mudah Alih**
- Paparan Moden berbentuk **Minimalis & Inovatif**
- Maklumat Info yang tepat dalam **Satu Pusat**
- **e-KYC Security**, Keselamatan Data Identiti
- **Hub Aplikasi Mudah Alih** untuk semua Aplikasi **LHDNM**
- **Peta lokasi** untuk mengetahui Pejabat **LHDNM** yang terdekat
- Memperhalusi fokus pengguna terhadap **Ketulenan Kandungan** dan mencipta pengalaman pengguna yang lebih **Menarik**



KEMASKINI PADA 12/01/2023

<https://mytax.hasil.gov.my>



The screenshot shows the MyTax portal interface. At the top, there is a navigation bar with the MyTax logo, links for 'Perkhidmatan ezHasil', 'e-Janji Temu', and 'Maklum Balas Pelanggan', and a language toggle set to 'ENG'. The main banner features a cityscape background with the text 'ANDA ADALAH WIRA NEGARA'. Below the banner, there are four service tiles: 'e-PCB' (light blue), 'e-Residence' (orange), 'STAMPS' (light blue), and 'e-TT' (orange). On the right side, there is a login form titled 'Sila Masukkan Maklumat Anda' with fields for 'Sila Pilih Jenis Pengenalan' (a dropdown menu) and 'No. Pengenalan' (a text input), followed by a 'Hantar' button. A vertical sidebar on the right contains icons for home, notifications, and a document. At the bottom, there is a footer with the MyTax logo, links for 'Perkhidmatan Hasil', 'e-Janji Temu', 'Pusat Bantuan', and 'Maklum Balas Pelanggan', a language toggle set to 'ENG', and a large yellow section with the text 'Makluman'.

MyTax Perkhidmatan ezHasil e-Janji Temu Maklum Balas Pelanggan

Corah ENG

Sila Masukkan Maklumat Anda

Sila Pilih Jenis Pengenalan

No. Pengenalan

Hantar

e-PCB

e-Residence

STAMPS

e-TT

MyTax Perkhidmatan Hasil e-Janji Temu Pusat Bantuan Maklum Balas Pelanggan

ENG

MyTax

Makluman

KEMASKINI PADA 12/01/2023

Selamat Datang ke MyTax [REDACTED]
Nombor Pengenal Cukai (TIN) : IG [REDACTED]
LHDNM : [REDACTED]

Maklumat Cukai Anda

Pilihan Peranan ⓘ

Individu

Baki Cukai
Status Bayaran Cukai Anda
RM 0.00
Pada 08/01/2023

Jumlah Bayaran Balik
Jumlah Terkini Yang Telah Diluluskan
RM [REDACTED]
Pada 10/03/2022

Jumlah Cukai
Terima Kasih Atas Sumbangan Anda Untuk Negara

2022	RM 0.00
2021	RM [REDACTED]
2020	RM [REDACTED]

Jumlah Cukai yang telah disifatkan pada 2021 RM [REDACTED]

Semakan Sekatan Perjalanan

✈️ Anda Tiada Sekatan Perjalanan

Status Borang e-Filing Bagi Tahun Taksiran

✖	2022 e-Borang BE TT 2022 akan mula dibuka mulai 01/03/2023
✔	2021 e-Borang BE telah dihantar pada 15/02/2022

Bayaran Balik
yang diluluskan

Status sekatan perjalanan

Jumlah cukai yang telah
dibayar tahun-tahun
sebelumnya

Rekod Borang yang telah
dihantar tahun-tahun
sebelumnya

KEMASKINI PADA 12/01/2023

DEFINISI MANFAAT BERUPA BARANGAN (MBB)

MBB adalah manfaat yang tidak boleh ditukarkan kepada wang.

“Maksud tidak boleh ditukarkan kepada wang adalah apabila manfaat itu diberikan kepada pekerja, ianya tidak boleh dijual, diserahkan hak, atau ditukarkan dengan wang tunai sama ada disebabkan kontrak penggajian yang ditandatangani atau kerana jenis manfaat yang disediakan itu sendiri”

KEMASKINI PADA 12/01/2023

CONTOH MANFAAT BERUPA BARANGAN (MBB)



RUMAH



**ORANG GAJI /
TUKANG KEBUN**



KERETA



TELEFON




PETROL



**HIBURAN DAN
REKREASI**

KEMASKINI PADA 12/01/2023

Subseksyen 32 (1) ACP 1967 memperuntukkan nilai MBB diambil kira sebagai pendapatan kasar penggajian pekerja adalah suatu amaun yang berpatutan dan munasabah dengan mengikut keadaannya. Penentuan nilai MBB menggunakan 2 kaedah



1 Kaedah formula

Kaedah Nilai Ditetapkan 2

KEMASKINI PADA 12/01/2023

Dibawah kaedah formula, setiap manfaat yang disediakan untuk pekerja dikira mengikut formula berikut:

**Kos aset yang diperuntukkan sebagai manfaat/ kemudahan = Nilai manfaat setahun
Purata jangka hayat aset yang ditetapkan**

***Kos disini bermaksud kos sebenar yang dilakukan oleh majikan**

Nilai MBB berdasarkan kaedah formula yang disediakan kepada pekerja oleh majikan boleh dikurangkan jika MBB itu :-

- a) Disediakan bagi tempoh kurang dari setahun, atau/dan
- b) Dikongsi dengan pekerja lain, atau/dan
- c) Digunakan bagi tujuan perniagaan majikan.

KEMASKINI PADA 12/01/2023

PURATA JANGKA HAYAT ASET YANG DITETAPKAN

ASET	PURATA JANGKA HAYAT (TAHUN)
1. Kereta	8
2. Kelengkapan perabot: (i) Kain langsir dan permaidani (ii) Perabot, mesin jahit (iii) Penyaman udara (iv) Peti sejuk	5 15 8 10
3. Perkakas dapur (iaitu pinggan mangkuk, periuk nasi, cerek elektrik, pembakar roti, pembuat kopi, dapur gas, <i>cooker hood</i> , oven, pembasuh pinggan, mesin basuh, pengering kain, alat memproses makanan dll.)	6
4. Hiburan dan rekreasi: (i) Piano (ii) Organ (iii) TV, perakam video, CD/ DVD <i>player</i> , set stereo (iv) Kolam renang (yang boleh dipisahkan), sauna	20 10 7 15
5. Pelbagai	5

KEMASKINI PADA 12/01/2023

CONTOH KAEDAH FORMULA

Pekerja A diberi kemudahan peti sejuk. Kos peti sejuk tersebut adalah RM 2,000.00 dan purata jangka hayatnya yang ditetapkan ialah 10 tahun.

Nilai MBB peti sejuk berdasarkan kaedah formula:

$$\frac{\text{RM 2,000.00}}{10 \text{ Tahun}} = \text{RM 200.00}$$

Amaun RM 200.00 ini hendaklah diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja A dan amaun ini hendaklah dilaporkan oleh majikan dalam Borang CP8A (EA) / CP8C (EC) pekerja itu.

KEMASKINI PADA 12/01/2023

KAEDAH NILAI DITETAPKAN

- 1. Kaedah nilai ditetapkan boleh digunakan sebagai alternatif bagi menentukan nilai MBB yang disediakan oleh majikan kepada pekerjaanya.**
- 2. Nilai MBB berdasarkan kaedah nilai yang ditetapkan yang disediakan kepada pekerja oleh majikannya boleh dikurangkan jika MBB itu:-**
 - a) Disediakan bagi tempoh kurang dari setahun, atau/dan**
 - b) Dikongsi oleh pekerja lain**

KEMASKINI PADA 12/01/2023

KAEDAH YANG DIGUNAKAN

Tidak kira kaedah mana yang digunakan dalam menentukan nilai manfaat yang disediakan, asas untuk mengira manfaat (sama ada kaedah formula atau kaedah nilai yang ditetapkan) mestilah digunakan secara konsisten sepanjang tempoh peruntukan manfaat tersebut untuk setiap unit aset.

KEMASKINI PADA 12/01/2023

NILAI YANG DITETAPKAN BAGI MANFAAT YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN

1. NILAI YANG DITETAPKAN UNTUK KERETA DAN MANFAAT LAIN YANG BERKAITAN DENGANNYA

Kos Kereta (Baharu) RM	Manfaat Setahun Yang Ditetapkan Untuk Kereta RM	Manfaat Setahun Yang Ditetapkan Untuk Petrol RM
Sehingga 50,000	1,200	600
50,001-75,000	2,400	900
75,001-100,000	3,600	1,200
100,001-150,000	5,000	1,500
150,001-200,000	7,000	1,800
200,001-250,000	9,000	2,100
250,001-350,000	15,000	2,400
350,001-500,000	21,250	2,700
500,001 dan ke atas	25,000	3,000

KEMASKINI PADA 12/01/2023

NILAI YANG DITETAPKAN BAGI MANFAAT YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN

2. NILAI YANG DITETAPKAN UNTUK KELENGKAPAN RUMAH, PERKAKAS DAN PERLENGKAPAN

KATEGORI	JENIS MANFAAT	NILAI MBB YANG DITETAPKAN SETAHUN (RM)
1	Separuh lengkap dengan perabot di ruang tamu, bilik makan dan bilik tidur	840
2	Separuh lengkap dengan perabot seperti dalam Ruang 1 di atas dan satu atau lebih kelengkapan berikut: • penyaman udara • kain langsir dan seumpamanya • permaidani	1,680
3	Lengkap sepenuhnya seperti dalam Ruang 1 dan 2 di atas serta satu atau lebih daripada perkakas dapur atau pinggan mangkuk atau peralatan dan perkakas-perkakas	3,360
4	Kemudahan bayaran perkhidmatan dan bil-bil lain seperti air dan elektrik.	Nilai perkhidmatan dan bil-bil lain yang dibayar oleh majikan.

KEMASKINI PADA 12/01/2023

NILAI YANG DITETAPKAN BAGI MANFAAT YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN

3. NILAI YANG DITETAPKAN UNTUK MANFAAT LAIN			NILAI MBB SETAHUN NILAI MBB SETAHUN
BUTIRAN BUTIRAN	JENIS MANFAAT JENIS MANFAAT		
1	Telefon (termasuk telefon mudah alih)		i) Perkakasan – Pengecualian cukai sepenuhnya bagi satu unit bagi setiap aset. ii) Manfaat bil – Pengecualian cukai sepenuhnya yang berkaitan dengan satu unit bagi setiap aset yang dikecualikan dalam perenggan (i) di atas.
2	Keahlian dalam kelab rekreasi	a) Keahlian Individu - Yuran keahlian yang dibayar atau diganti oleh majikan	Layanan cukai ke atas manfaat yang diterima oleh pekerja adalah seperti berikut- i) Fi kemasukan sebagai keahlian kelab – dicukai di bawah perenggan 13(1)(a) ACP; ii) Yuran keahlian bulanan / tahunan sebagai keahlian kelab - dicukai di bawah perenggan 13(1)(a) ACP; iii) Keahlian berpenggal (term membership) - dicukai atas bayaran yang dibuat di bawah perenggan 13(1)(a) ACP.
		b) Keahlian korporat – Yuran keahlian dibayar oleh majikan	Layanan cukai ke atas manfaat yang diterima oleh pekerja adalah seperti berikut – i) Fi kemasukan – tidak dikenakan cukai; ii) Yuran keahlian bulanan/ tahunan sebagai keahlian kelab bagi pekerja - dicukai atas nilai yang ditetapkan di bawah perenggan 13(1)(b) ACP.
3	Tukang kebun		RM3,600 bagi seorang tukang kebun
4	Pembantu rumah		RM4,800 bagi seorang pembantu rumah

KEMASKINI PADA 12/01/2023

1. Kereta dan manfaat lain yang berkaitan dengannya:

- Dimana kereta disediakan, manfaat yang akan dicukaikan adalah kegunaan untuk peribadi serta petrol yang diperuntukkan. Sebuah kereta yang disediakan kepada pekerja dianggap digunakan secara peribadi sekiranya:

- a) Digunakan untuk perjalanan dari rumah ke pejabat dan sebaliknya; dan**
- b) Disimpan di rumah pekerja dimana ia boleh digunakan oleh pekerja atau keluarga pada bila-bila masa.**

***Walau bagaimanapun, tol yang dibayar oleh majikan dianggap termasuk dalam nilai MBB bagi kereta. Kos penyelenggaraan seperti servis, pembaikan, cukai jalan, dan premium insurans tidak dianggap sebagai sebahagian daripada manfaat pekerja.**

Pengiraan MBB bagi kereta mestilah berasaskan kaedah formula. Dibawah kaedah ini kaedah pengurangan sebanyak 20% diberikan, yang dianggap sebagai nilai kereta pada masa ia dipulangkan kepada majikan oleh pekerja.

Kaedah Formula : Kos Kereta x 80% = Nilai manfaat
8 (Purata Jangka Hayat Ditetapkan)

Walau bagaimanapun, kaedah nilai ditetapkan boleh diguna pakai. Dibawah kaedah nilai yang ditetapkan, penilaian manfaat akan berasaskan kos kereta semasa kereta tersebut baharu. Layanan ini juga terpakai bagi:

- a) Kereta terpakai, dan
- b) Kereta pajak / sewa

Pekerja B diperuntukkan dengan sebuah kereta Honda City Baharu. Manfaat tersebut diperuntukkan kepadanya sepanjang tahun 2018. Kos kereta tersebut ialah RM 81,000.00.

Nilai MBB berdasarkan kaedah formula:

$$\frac{\text{RM 81,000.00}}{8 \text{ Tahun}} \times 80 \% = \text{RM 8,100.00}$$

8 Tahun

Dengan contoh yang sama, Nilai MBB bagi kereta berdasarkan **nilai kaedah yang ditetapkan**, nilai yang boleh dicukaikan sebagai sebahagian pendapatan kasar penggajian Pekerja B untuk tahun taksiran 2018 adalah RM 3,600.00

CONTOH-CONTOH LAIN

Contoh 4

Pekerja C telah diperuntukkan dengan sebuah kereta terpakai yang dibeli oleh majikannya dengan harga RM120,000. Kos kereta tersebut semasa baharu adalah RM205,000.

Dengan menggunakan kaedah nilai yang ditetapkan, nilai tahunan MBB berhubung dengan kereta yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja C untuk tahun taksiran 2018 adalah RM9,000 dan bukan RM5,000.

Contoh 5

Pekerja D telah diperuntukkan oleh majikannya dengan sebuah kereta baharu yang dipajak daripada sebuah syarikat pajakan. Kos kereta tersebut semasa baharu adalah RM90,000. Majikan telah membayar sewa pajakan sebanyak RM3,000 sebulan selama 48 bulan.

Dengan menggunakan kaedah nilai ditetapkan, nilai tahunan MBB yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja D untuk tahun taksiran 2018 adalah RM3,600. Bayaran untuk sewa pajakan tidak diambil kira.

KEMASKINI PADA 12/01/2023

Dimana pekerja menikmati manfaat kereta dengan petrol percuma, nilai MBB bagi petrol akan diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian bergantung kepada kaedah yang digunakan untuk menilai MBB bagi kereta tersebut. Manfaat petrol percuma yang perlu dilaporkan adalah :

- a) Nilai sebenar amaun perbelanjaan petrol yang dibelanjakan oleh majikan.**
- b) Nilai yang ditetapkan**

CONTOH MENIKMATI MANFAAT BERUPA PETROL

Sepanjang tahun 2018, Pekerja E diperuntukkan dengan kereta terpakai berusia 3 tahun yang dibeli oleh majikannya dengan harga RM180,000 bersama dengan kemudahan petrol percuma. Kos kereta tersebut semasa baharu adalah RM206,000. Bil petrol yang dilakukan oleh majikan atas kereta tersebut dalam tahun 2018 adalah RM6,000.

Nilai tahunan MBB berhubung dengan kereta dan petrol yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja E untuk tahun taksiran 2018 dikira seperti berikut:-

Jenis MBB	Berasaskan Kaedah Formula (RM)	Berasaskan Kaedah Nilai Ditetapkan (RM)
Kereta	$\frac{\text{Kos kereta}}{\text{Purata jangka hayat kereta}} \times 80\%$ $= \frac{180,000}{8} \times 80\% = 18,000$	9,000
Petrol	6,000 (nilai sebenar petrol)	2,100

KEMASKINI PADA 12/01/2023

Di mana kereta tidak diperuntukkan sepanjang tahun kalendar, nilainya hendaklah dilaraskan dengan sewajarnya berdasarkan bulan atau hari mengikut tempoh yang diperuntukkan.

CONTOH

Pekerja F telah diperuntukkan dengan sebuah kereta baharu berharga RM120,000 bagi tempoh Januari hingga September 2018. Beliau juga diperuntukkan dengan petrol percuma. Kos petrol yang dilakukan oleh majikan untuk tempoh tersebut ke atas kereta adalah RM2,700.

Nilai tahunan MBB berhubung dengan kereta dan petrol yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja F bagi tahun taksiran 2018 dikira seperti berikut:

Jenis MBB	Berasaskan Kaedah Formula (RM)	Berasaskan Kaedah Nilai Ditetapkan (RM)
Kereta	$\frac{120,000}{8} \times 80\% \times \frac{9}{12} = 9,000$	$5,000 \times \frac{9}{12} = 3,750$
Petrol	2,700 (nilai sebenar petrol)	$1,500 \times \frac{9}{12} = 1,125$

KEMASKINI PADA 12/01/2023

Petrol diperuntukkan tanpa kereta.

Manfaat yang dicukaikan ialah jumlah nilai sebenar petrol yang diperuntukkan kepada pekerja.

Pemandu diperuntukkan.

Dimana pemandu diperuntukkan, nilai manfaat yang diambil kira sebagai pendapatan kasar penggajian ialah pada kadar RM 600.00 sebulan. Dalam kes dimana pemandu diperuntukkan bukan khusus untuk mana-mana pekerja tertentu tetapi pemandu tersebut adalah dari sekumpulan pemandu “pool” yang diperuntukkan oleh majikan bagi tujuan perniagaan, tiada nilai manfaat akan dikenakan kepada pekerja tersebut.

Kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan.

1. Kaedah formula digunakan untuk menentu nilai MBB berkaitan kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan yang diperuntukkan kepada pekerja oleh majikan. Sebagai satu konsesi, kaedah nilai yang ditetapkan boleh diguna pakai. Jika perkiraan nilai MBB berasaskan nilai yang ditetapkan, tiada potongan yang akan diberikan terhadap mana-mana perbelanjaan yang dibuat oleh pekerja.
2. Nilai manfaat boleh dilaraskan dengan merujuk kepada sama ada salah satu atau semua jenis kelengkapan yang diperuntukkan.
3. Nilai manfaat boleh juga dilaraskan dengan merujuk kepada tempoh kemudahan tersebut.
4. Pelarasan juga boleh dibuat ke atas nilai MBB jika kelengkapan/perkakas/ perlengkapan dikongsi bersama pekerja lain.
5. Kipas angin dan pemanas air tidak boleh diambil kira kerana kelengkapan tersebut dianggap sebagai sebahagian daripada premis kediaman.

KEMASKINI PADA 12/01/2023

Kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan.

1. Kaedah formula digunakan untuk menentu nilai MBB berkaitan kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan yang diperuntukkan kepada pekerja oleh majikan. Sebagai satu konsesi, kaedah nilai yang ditetapkan boleh diguna pakai. Jika perkiraan nilai MBB berasaskan nilai yang ditetapkan, tiada potongan yang akan diberikan terhadap mana-mana perbelanjaan yang dibuat oleh pekerja.
2. Nilai manfaat boleh dilaraskan dengan merujuk kepada sama ada salah satu atau semua jenis kelengkapan yang diperuntukkan.
3. Nilai manfaat boleh juga dilaraskan dengan merujuk kepada tempoh kemudahan tersebut.
4. Pelarasan juga boleh dibuat ke atas nilai MBB jika kelengkapan/perkakas/ perlengkapan dikongsi bersama pekerja lain.
5. Kipas angin dan pemanas air tidak boleh diambil kira kerana kelengkapan tersebut dianggap sebagai sebahagian daripada premis kediaman.

KEMASKINI PADA 12/01/2023

Cukai Output (CO) yang dikenakan ke atas MBB yang ditanggung oleh majikan.

-Subseksyen 13(1A) ACP menjelaskan layanan cukai atas cukai barangan dan perkhidmatan (GST) melibatkan MBB, perkuisit dan nilai tempat kediaman. GST yang sepatutnya ditanggung oleh pekerja kerana menerima manfaat berupa barangan (MBB), tetapi ditanggung oleh majikan menjadi sebahagian daripada manfaat berkenaan.

Layanan cukai ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2015. Walau bagaimanapun GST telah dimansuhkan pada 1 Jun 2018.

Manfaat atau pemberian dan bil bulanan telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, pembantu digital peribadi (PDA) dan langganan jalur lebar.

1. Manfaat atau pemberian telefon talian tetap, telefon bimbit, alat keluli dan PDA.
 - i) Manfaat yang diterima yang didaftarkan atas nama majikan untuk kegunaan peribadi adalah MBB yang merupakan pendapatan kasar daripada pengajian pekerja.
 - ii) Pengiraan manfaat mestilah berasaskan formula.

Bil bulanan telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, PDA dan langganan jalur lebar.

a) Manfaat yang diterima oleh pekerja dalam bentuk bayaran bil bulanan telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, PDA, atau langganan jalur lebar, dimana:

- i) Majikan yang melanggan kemudahan-kemudahan ini.
- ii) Bil-bil bagi kemudahan tersebut adalah dibawah nama majikan, dan
- iii) Pekerja hanya menikmati manfaat tersebut apabila diperuntukkan kepadanya oleh majikan yang melanggan.

Amaun manfaat tersebut adalah MBB yang merupakan pendapatan kasar kerana manfaat-manfaat tersebut tidak boleh ditukar dengan wang walaupun ianya mempunyai nilai wang. Manfaat ini dikenakan cukai berdasarkan nilai sebenar bayaran bil bulanan tersebut.

KEMASKINI PADA 12/01/2023

Aset-asset lain.

- Aset-asset lain yang disediakan kepada pekerja untuk keraian, rekreasi, atau untuk tujuan lain seperti piano, organ, televisyen, set stereo, kolam renang dan lain-lain akan dikira sebagai manfaat tambahandan mesti dicukai secara berasingan berasaskan formula.

KEMASKINI PADA 12/01/2023

Manfaat-manfaat lain yang tidak disenaraikan hendaklah
dinilai mengikut kaedah formula:

Kos aset yang diperuntukkan sebagai manfaat/ kemudahan = Nilai manfaat setahun
Purata jangka hayat aset yang ditetapkan

PENGECUALIAN KE ATAS MBB YANG DITERIMA OLEH PEKERJA

MBB yang dikecualikan cukai atau dianggap tidak dikenakan cukai:

1. Manfaat pergigian
2. Manfaat penjagaan anak.
3. Makanan dan minuman disediakan percuma.
4. Pengangkutan percuma dari perhentian tertentu atau rumah ke tempat kerja.
5. Premium insurans pekerja yang wajib dibayar untuk pekerja-pekerja asing sebagai gentian sumbangan PERKESO.
6. Premium insurans kelompok pekerja.
7. Manfaat terdiri daripada:
 - i) Tambang percutian dalam Malaysia (tidak melebihi 3 kali dalam tahun calendar)
 - ii) Tambang percutian ke Luar Negara (tidak melebihi sekali dengan terhad kepada RM 3,000)
8. Manfaat yang digunakan oleh pekerja semata-mata untuk menjalankan tugasnya.
9. Harga diskaun bagi produk-produk perniagaan majikan yang boleh digunakan.
10. Kemudahan dan bil bulanan telefn talian tetap, telefon bimbit, alat kelui dan langganan jalur lebar.
11. Perubatan moden, tradisional, dan maternity.
12. Kemudahan petrol percuma.

KEMASKINI PADA 12/01/2023

TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

Subseksyen 83(I) Akta Cukai Pendapatan 1967

Majikan dikehendaki melaporkan dalam Penyata Tahunan Saraan Pekerja (Borang EA/Borang EC) dan Borang E untuk Majikan.

Seksyen 82 Akta Cukai Pendapatan 1967

Majikan dikehendaki menyimpan rekod dan resit berhubung dengan segala tuntutan bagi perbelanjaan yang dilakukan ke atas pekerja.

Majikan bertanggungjawab untuk menyediakan senarai MBB yang diterima dan dikecualikan cukai oleh setiap pekerja dalam Penyata Gaji Pekerja masing-masing bagi setiap tahun taksiran

KEMASKINI PADA 12/01/2023

Subseksyen 77(1) Akta Cukai Pendapatan 1967

Pekerja dikehendaki melaporkan dalam Borang Nyata, BE, M atau B bagi semua balasan yang diterima termasuk semua MBB yang diterima daripada Majikan atau pihak ketiga.

Seksyen 82A Akta Cukai Pendapatan 1967


Pekerja dikehendaki menyimpan dokumen berhubung dengan segala penerimaan berkaitan. Dan dokumen hendaklah disimpan selama 7 tahun.

KEMASKINI PADA 12/01/2023

**Untuk rujukan lanjut sila rujuk Ketetapan Umum Bil.
11/2019 bagi Manfaat Berupa Barangan (MBB)**

KEMASKINI PADA 12/01/2023

TARIKH PENGEMUKAAN BORANG



BNCP boleh dihantar melalui internet (e-Filing) <https://mytax.hasil.gov.my> atau secara manual (borang)

KEMASKINI PADA 12/01/2023

LEWAT / GAGAL HANTAR BORANG

PENALTI akan **DIKENAKAN** bergantung kepada :
Tempoh selepas tarikh yang ditetapkan/lanjutan masa
yang dibenarkan

PENALTI akan **DIKIRA**:
Dikira atas jumlah cukai dikenakan

Sehingga 12
bulan

15%

Melebihi 12 bulan
hingga 24 bulan

30%

Melebihi 24 bulan

45%

KEMASKINI PADA 12/01/2023

LEWAT / GAGAL BAYAR

KENAIKAN akan **DIKENAKAN** bergantung kepada tempoh selepas tarikh yang ditetapkan/lanjutan masa yang dibenarkan:

10% kenaikan daripada cukai yang kena bayar, dan

KEMASKINI PADA 12/01/2023

Jika anda menghadapi masalah berkenaan **e-Filing**, sila:

Hubungi talian utama:

03-8911 1000 (HASIL CARE LINE)

03-8751 1000 (HASIL RECOVERY CALL CENTRE)

Hadir ke Cawangan LHDNM yang berhampiran

JANGAN JADI **MANGSA** SINDIKET PENIPUAN

**JANGAN
DEDAHKAN
MAKLUMAT
PERCUKAIAN
ANDA**

DO NOT BE A *VICTIM* OF FINANCIAL AND TAXATION SCAMS




DO NOT DISCLOSE CONFIDENTIAL INFORMATION

financial and taxation to any
suspicious parties.

DO NOT RESPOND

if you receive any telephone calls,
SMS, e-mails or letter of dubious.



GET IRBM'S CONFIRMATION

via feedback form or call
Contact Centre at 03 – 8911 100

KEMASKINI PADA 12/01/2023



Building Sustainable Future
TOGETHER

**INGIN KELUAR NEGARA??
PASTIKAN
ANDA
MEMBUAT
SEMAKAN
<http://sspi.imi.gov.my>**

KEMASKINI PADA 12/01/2023



SOAL SELIDIK KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN CUKAI HASIL

Kami amat berbesar hati sekiranya tuan/puan dapat memberikan pandangan dan maklum balas terhadap pelaksanaan program agar kualiti program dapat dipertingkatkan selari dengan visi dan misi LHDNM.

Terima kasih.

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Imbas Kod QR ini untuk maklum balas anda



TERIMA KASIH



/LHDNM



/LHDNMOfficial



/LHDNM



www.hasil.gov.my



03-8911 1000

Hasil Care Line



03-8751 1000

Hasil Recovery Call
Centre



MyTax

Web Responsif &
Aplikasi Mobile

**Gerbang Informasi
Percukaian**

Single Sign-On
Untuk Semua
Perkhidmatan

Dashboard Ringkas
& Padat

**Pusat Untuk
Semua e-Perkhidmatan LHDNM**



KEMASKINI PADA 12/01/2023